



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

07 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)

Selangor tangkap lembu berkeliaran mulai Mei depan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negera	9	07 Feb

Selangor tangkap lembu berkeliaran mulai Mei depan

SHAH ALAM - Operasi secara besar-besaran akan dilakukan bagi menangkap lembu ternakan yang diltarkan berkeliaran di Selangor bermula Mei ini.

Eco Infrastruktur dan Pertanian negeri, Datuk Ismail Ibrahim berkata, kajian mendapati seramai 4,000 daripada 30,941 ekor lembu dan kerbau diltapati berkeliaran di semua daerah di negeri ini.

Katanya, itu ini mengancam nyawa dengan sebanyak 251 kes kemalangan direkodkan melibatkan lembu termasuk dua mangsa maut dan enam lagi parah di negeri ini pada tahun lalu.

"Justeru, kita tidak akan berkompromi dan akan mulai melaksanakan operasi berskala besar secara bersepadu pada Mei nanti.

"Kita memahami keadaan

pasternak haiwan itu, namun mereka perlu mencari jalan untuk mengatasi masalah lembu berkeliaran ini," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini, semalam.

Jelas Ismail, sebagai contoh, pasternak yang tidak kawatan tanah boleh membuat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) atau Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).

Selain itu, katanya, mereka boleh menyewa tanah dengan pihak swasta untuk menempatkan lembu. Itu adalah tanggungjawab mereka dan bukannya kerajaan negeri.

Kata beliau, pihaknya turut bersefuka dengan cadangan meminda Enakmen Mengawal Lembu Kerbau 1971 termasuk bersedah pesenan lembu kerbau supaya dapat mengenal pasti pemilik

lembu kerbau dengan menggunakan tagging atau tanda pengenal pada setiap lembu dan kerbau.

"Proses pindaan enakmen itu mungkin mengambil masa, namun kita tetap akan mengambili tindakan tegas kepada pihak terlibat," katanya.

Katanya, tindakan jangka pendek itu bagi menyelesaikan isu pemilik tidak bertanggungjawab.

Tiga ladang ada wabak demam babi Afrika disita

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negera	13	07 Feb



Y.B. DATO' IR. IZHAM BIN HASHIM
EXCO INFRASTRUKTUR & PERTANIAN

IZHAM ketika ditemui pada sidang akhbar di Shah Alam semalam.

Tiga ladang ada wabak demam babi Afrika disita

SHAH ALAM – Sebanyak tiga ladang babi di Selangor disita selepas ternakan itu disahkan positif jangkitan wabak demam babi Afrika (ASF), baru-baru ini. Ladang itu melibatkan dua kawasan yang diklasifikasikan sebagai zon merah iaitu Sungai Blankan, Sepang dan Kampung Tumbuk, Tanjung Sepat, Kuala Langat.

Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri, Datuk Izhah Hashim berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menerima maklumat mengenai jangkitan ASF ke atas sejumlah babi di beberapa ladang di dua daerah itu pada 22 Januari lalu. Jelas beliau, pemeriksaan rapi kemudian segera dijalankan ke atas 29 ladang yang melibatkan 25,000 ekor babi bagi mengesahkan wabak tersebut.

"Keputusan analisis sampel yang diterima DVS Selangor sehingga semalam (kelmarin) mendapati tiga daripada ladang itu sah dijangkiti ASF.

"Kesemua babi yang diperiksa itu diperintah untuk dikuarantin selaras peruntukan Subseksyen 18 (2) Akta Binatang 1953 (Akta 647)," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini semalam.

Bulan lalu, kerajaan Sarawak mengeluarkan arahan larangan import babi dan produk daging babi dari Sabah berkuat kuasa serta-merta susulan pengesanan wabak itu di Keningau.

Ujar Izhah, 920 ekor babi melibatkan ladang di Sungai Blankan telah dilupuskan DVS kelmarin.

"Pemeriksaan awal mendapati kira-kira 1,500 haiwan itu disahkan positif di dua lagi ladang lain setakat ini. Semua ladang itu kini disita bagi tindakan lanjut termasuk melakukan surveilan aktif dan pemantauan secara berterusan," ujarnya.

Katanya, DVS Selangor telah diarah mengambil tindakan lanjut bagi mengekang penularan ASF daripada merebak ke kawasan lain dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan lain termasuk polis dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Tiga ladang babi di Selangor dijangkiti demam babi Afrika

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	24	07 Feb

Tiga ladang babi di Selangor dijangkiti demam babi Afrika

SHAH ALAM - Hasil pemeriksaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor mendapati tiga daripada 29 ladang babi di negeri itu disahkan dijangkiti demam babi Afrika (ASF).

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Datuk Ir Izham Hashim memaklumkan, ladang babi tersebut terletak di dua daerah iaitu Sungai Blakan, Sepang dan Kampung Tumbuk, Tanjong Sepat, Kuala Langat.

"Pada 22 Januari, DVS Selangor menerima aduan dan maklumat bertakunya jangkitan ASF ke atas sejumlah babi di beberapa ladang ternakan babi di sekitar dua daerah ini.

"Bertindak atas maklumat tersebut, pada 24 dan 25 Januari, pemeriksaan ke atas 29 ladang melibatkan anggaran 25,000 ekor babi dijalankan bagi mengesahkan penyakit berkenaan dan semua babi yang diperiksa telah diperintah kepada penternak untuk dikuarantin.

"Ia sehingga keputusan analisis sampel diperolehi selaras dengan peruntukkan di bawah Subseksyen 18 (2) Akta Binatang 1953 (Akta 647). Maka keputusan pada 28 Januari serta 4 Februari lalu menunjukkan dua daripadanya telah di-

jangkiti," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Untuk rekod, ASF merupakan penyakit disebabkan kuman Asfvirus dan ia menjangkiti babi melalui sentuhan secara langsung dan juga tidak langsung menerusi sentuhan dengan perkakasan atau pengendali yang tercemar dengan kuman tersebut.

Susulan itu, Izham berkata, pihaknya telah mengarahkan agar DVS Selangor mengambil tindakan selanjutnya bagi mengekang penularan ASF daripada terus merebak ke kawasan lain khususnya di negeri ini.

"Tindakan segera secara bersepadu akan diambil melibatkan pelbagai agensi kerajaan seperti pihak polis, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya (JKR) serta agensi lain yang berkaitan," ujarnya.

Dalam pada itu, Izham turut mengingatkan kepada penternak haiwan itu agar terus berwaspada, meningkatkan dan mengetatkan biosekuriti ladang.



3 ladang ternak babi ada penyakit di Selangor kena sita

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	19	07 Feb

3 ladang ternak babi ada penyakit di Selangor kena sita

Shah Alam: Tiga ladang ternak babi di Selangor disita selepas disahkan dijangkiti penyakit African Swine Fever (ASF) atau demam babi Afrika.

EXCO Infrastruktur dan Pertanian negeri, Datuk Izham Hashim, berkata dua ladang itu yang terletak di Sepang yang disita pada 28 Januari dan 5 Februari, manakala satu ladang di Kuala Langat dikenakan tindakan sama pada 28 Januari yang semuanya membabitkan kira-kira 2,220 ternakan.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 920 babi di sebuah ladang di Sepang sudah dilupuskan pada 5 Februari, manakala bakinya dalam proses untuk tindakan yang sama.

"Kita percaya penyakit ASF ini antara puncanya mungkin babi dari luar Selangor dan dijangkiti, masuk ke negeri ini kerana kita (Selangor) dijangkiti selepas kes sama di Pulau Pinang, Perak dan Sarawak sebelum ini.

Sarawak sebelum ini.

"Ini juga kes pertama di Selangor membabitkan babi hidup. Sebelum ini, jangkitan daripada karas haiwan itu yang datang dari luar negara," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Sementara itu, Izham berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar menerima aduan dan maklumat berlaku jangkitan penyakit ASF ke atas sejumlah babi di beberapa ladang sekitar Sepang dan Kuala Langat pada 22 Januari lalu.

"Bertindak atas maklumat itu, pada 24 hingga 25 Januari lalu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor memeriksa 29 ladang, membabitkan kira-kira 25,000 babi di sekitar Sepang dan Kuala Langat bagi mengesahkan kejadian penyakit tersebut.

"Semua babi yang diperiksa diperintah untuk dikuarantin oleh penternak sehingga keputusan analisis sampel diperoleh, selaras peruntukan di bawah Subseksyen 18 (2) Akta Binatang 1953," katanya.

Izham berkata, ASF ialah penyakit bukan zoonotik iaitu tidak menjangkiti manusia dan hanya menyerang babi tempatan serta babi liar dengan jangkitannya akan menyebabkan 100 peratus kematian dalam tempoh dua hingga 10 hari ke atas ternakan.

Beliau mengingatkan penternak agar terus berwaspada serta meningkatkan dan mengetatkan biosekuriti ladang masing-masing, bagi mengekang penularan penyakit ASF di Selangor.

Orang awam juga digesa melaporkan segera sebarang kematian babi hutan, babi kampung atau babi komersial kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah atau Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Selangor untuk tindakan selanjutnya," katanya. BERNAMA

Selangor tangkap lembu berkeliaran mulai Mei depan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Online	-	06 Feb

Selangor tangkap lembu berkeliaran mulai Mei depan



GAMBAR HIASAN

SHAH ALAM – Operasi secara besar-besaran akan dilakukan bagi menangkap lembu ternakan yang dibiarkan berkeliaran di Selangor bermula Mei ini.

Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri, Datuk Izham Hashim berkata, kajian mendapati sebanyak 4,000 daripada 39,941 ekor lembu dan kerbau didapati berkeliaran di semua daerah di negeri ini.

Katanya, isu ini mengancam nyawa dengan sebanyak 251 kes kemalangan direkodkan melibatkan lembu termasuk dua mangsa maut dan enam lagi parah di negeri ini pada tahun lalu.

“Justeru, kita tidak akan berkompromi dan akan mula melaksanakan operasi berskala besar secara bersepadu pada Mei nanti.

“Kita memahami keadaan penternak haiwan itu namun mereka perlu mencari jalan untuk mengatasi masalah lembu berkeliaran ini,” katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini, hari ini.

Jelas Izham, sebagai contoh, penternak yang tiada kawasan tanah boleh membuat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) atau Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).

“Selain itu, mereka boleh menyewa tanah dengan pihak swasta untuk menempatkan lembu. Itu adalah tanggungjawab mereka dan bukannya kerajaan negeri,” jelasnya.

Menurut Izham, pihaknya turut bersetuju dengan cadangan meminda Enakmen Mengawal Lembu Kerbau 1971 termasuk kaedah pelesenan lembu kerbau supaya dapat mengenalpasti pemilik lembu kerbau dengan menggunakan ‘tagging’ atau tanda pengenalan pada setiap lembu dan kerbau.

Namun, kata Izham, tindakan jangka pendek bagi menyelesaikan isu itu antaranya meneruskan operasi penguatkuasaan ke atas pemilik haiwan yang tidak bertanggungjawab. – KOSMO! ONLINE

Operasi besar-besaran tangkap lembu berkeliaran di Selangor mulai 1 Mei

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Online	-	06 Feb

Operasi besar-besaran tangkap lembu berkeliaran di Selangor mulai 1 Mei



IZHAM HASHIM

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor akan melaksanakan operasi besar-besaran bagi menangkap lembu ternakan yang dibiarkan berkeliaran di negeri itu bermula Mei depan.

Kajian mendapati sebanyak 4,000 daripada 39,941 ekor lembu dan kerbau didapati berkeliaran di semua daerah di Selangor.

Exco Infrastruktur dan Pertanian, Datuk Izham Hashim berkata, isu itu dipandang serius kerana mengancam keselamatan awam terutama kemalangan jalan raya dan kerosakan harta benda.

"Statistik tahun lalu juga merekodkan sebanyak 251 kes kemalangan melibatkan lembu termasuk dua mangsa maut dan enam lagi parah di negeri ini.

"Justeru, kita tidak akan berkompromi dan akan mula melaksanakan operasi berskala besar secara bersepadu pada Mei nanti," katanya pada sidang akhbar, hari ini.

Jelasnya, beliau memahami keadaan penternak haiwan itu namun mereka perlu mencari jalan untuk mengatasinya.

"Sebagai contoh, penternak yang tiada tanah boleh membuat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) atau Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Mereka boleh menyewa tanah dengan pihak swasta untuk menempatkan lembu. Itu adalah tanggungjawab mereka dan bukannya kerajaan negeri," tegasnya.

Kata Izham lagi, pihaknya turut bersetuju dengan cadangan meminda Enakmen Mengawal Lembu Kerbau 1971 termasuk kaedah pelesenan lembu kerbau.

"Penggubalan itu penting bagi mengenalpasti pemilik lembu kerbau dengan menggunakan 'tagging' atau tanda pengenalan pada setiap lembu dan kerbau.

"Proses pindaan enakmen itu mungkin mengambil masa alam namun kita tetap akan mengambil tindakan tegas kepada pihak terlibat," ujarnya.

Selain itu beliau memberitahu, tindakan jangka pendek bagi menyelesaikan isu itu antaranya meneruskan operasi penguatkuasaan ke atas pemilik haiwan yang tidak bertanggungjawab.

"Berdasarkan Akta 171, PBT boleh mengambil tindakan atas kesalahan kacau ganggu manakala PDT berkaitan penggunaan tanah dan syarat nyata tanah.

Selain itu, tindakan DVS boleh diambil mengikut Akta 772 berkaitan pemilikan haiwan. Bagi Seksyen 289 Kamun Keseksaan, ia melibatkan kecuaiannya menjaga haiwan," katanya. –

UTUSAN

Selangor to amend law to deal with roaming cattle

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TheStar	Online	-	06 Feb

Selangor to amend law to deal with roaming cattle

Summary

The Selangor government will amend the Cattle-Buffalo Control Enactment 1971 to address the issue of roaming cattle. The amendment will include cattle-buffalo licensing methods and identification marks to improve enforcement and curb the problem.

LEW GUAN XI

PETALING JAYA: The Selangor government will amend the Cattle-Buffalo Control Enactment 1971 to deal with the issue of roaming cattle in the state.

State infrastructure and agriculture committee chairman Datuk Izham Hashim said in a statement that the amendment is important to ensure smooth and orderly enforcement actions on farmers who let their cattle roam free.

"The amendment will include the drafting of cattle-buffalo licensing methods, which is expected to solve several existing problems to improve enforcement.

"One of the solutions it could provide is the ability to identify the owners of the cattle and buffaloes through tagging or other identification marks," he said.

In the short term, Izham said the state government will conduct integrated operations together with the local authorities, Selangor Department of Veterinary Services, district and land offices and the police to curb the issue.

"Other existing laws, such as the Local Government Act 1976, Animal Welfare Act 2015, Section 289 of the Penal Code and more, will also be enforced against irresponsible livestock owners," he added.

He further emphasised that the state government is taking the issue very seriously.

"Selangor currently has 39,941 cattle and buffaloes, including beef production, feedlot and dairy. 4,000 of them, which are believed to be owned by 150 farmers, are found roaming free, according to studies.

"This has caused various problems such as injuries, deaths, pollution and damages to public assets," he said.

He added that suitable farming spots for cattle and buffaloes are declining following the state's rapid development.

"Some farmers have changed to more suitable farming systems such as intensive farming, but a small group of them are still reluctant to change and still practising the free-range livestock method.

"As a developed and liveable state, Selangor will not compromise with owners who simply set their cattle and buffaloes free, causing problems for the state," he said.

Elak berkeliaran, kerajaan Selangor pinda Enakmen

Mengawal Lembu Kerbau 1971

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Majoriti	Online	-	06 Feb

Elak berkeliaran, kerajaan Selangor pinda Enakmen Mengawal Lembu Kerbau 1971



Isu lembu berkeliaran tanpa pengawasan kian meruncing di Selangor kebelakangan ini. — Gambar hiasan

KERAJAAN Selangor akan meminda Enakmen Kawalan Lembu-Kerbau 1971 bagi menangani isu lembu berkeliaran di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pertanian negeri, Datuk Izham Hashim dalam satu kenyataan berkata, pindaan itu penting bagi memastikan tindakan penguatkuasaan yang lancar dan teratur terhadap penternak yang membiarkan lembu mereka bebas berkeliaran.

"Pindaan itu akan merangkumi penggubalan kaedah pelesenan lembu-kerbau yang dijangka dapat menyelesaikan beberapa masalah sedia ada bagi menambah baik penguatkuasaan.

"Salah satu penyelesaian yang boleh diberikan adalah keupayaan untuk mengenal pasti pemilik lembu dan kerbau melalui penandaan atau tanda pengenalan lain," katanya.

Dalam jangka pendek Izham berkata, kerajaan negeri akan menjalankan operasi bersepadu bersama pihak berkuasa tempatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, pejabat daerah dan tanah serta polis bagi membendung isu itu.

"Undang-undang lain yang sedia ada, seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Kebajikan Haiwan 2015, Seksyen 289 Kanun Keseksaan dan banyak lagi akan turut dikuatkuasakan terhadap pemilik ternakan yang tidak bertanggungjawab," tambahnya.

Beliau seterusnya menegaskan kerajaan negeri memandang serius isu tersebut.

"Selangor kini mempunyai 39,941 ekor lembu dan kerbau termasuk pengeluaran daging lembu, fidlot dan tenusu. 4,000 daripadanya, yang dipercayai dimiliki oleh 150 petani, didapati bebas berkeliaran, menurut kajian.

"Ini telah menyebabkan pelbagai masalah seperti kecederaan, kematian, pencemaran dan kerosakan kepada aset awam," katanya.

Tambahnya, kawasan penternakan yang sesuai untuk lembu dan kerbau semakin berkurangan berikutan pembangunan pesat di negeri ini.

"Sesetengah penternak telah bertukar kepada sistem penternakan yang lebih sesuai seperti penternakan intensif namun, segelintir daripada mereka masih enggan berubah dan masih mengamalkan kaedah penternakan bebas.

"Sebagai negeri yang maju dan boleh didiami, Selangor tidak akan berkompromi dengan pemilik yang hanya membebaskan lembu dan kerbau mereka sehingga menimbulkan masalah kepada negeri ini," katanya. — *Majoriti*

Wabak demam babi Afrika: Tiga ladang babi disita di Selangor

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Online	-	06 Feb

Wabak demam babi Afrika: Tiga ladang babi disita di Selangor



IZHAM HASHIM

SHAH ALAM: Selangor menyita tiga ladang babi di negeri ini termasuk di Sepang dan Kuala Langat selepas ternakan di sana disahkan positif wabak demam babi Afrika (ASF) baru-baru ini.

Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri, Datuk Izhah Hashim berkata, penutupan itu termasuk dua kawasan yang diklasifikasikan sebagai zon merah iaitu Sungai Blankan, Sepang dan Kampung Tumbuk, Tanjung Sepat.

Menurutnya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (Veterinar) menerima maklumat mengenai jangkitan ASF ke atas sejumlah babi di beberapa ladang di dua daerah itu, 22 Januari lalu, pemeriksaan rapi kemudian segera dijalankan ke atas 29 ladang yang melibatkan 25,000 ekor babi bagi mengesahkan wabak tersebut.

"Keputusan analisis sampel yang diterima Veterinar Selangor sehingga semalam mendapati tiga daripada ladang itu sah dijangkiti ASF.

"Kesemua babi yang diperiksa itu diperintah kepada penternak untuk dikuarantin selaras peruntukan Subseksyen 18 (2) Akta Binatang 1953 (Akta 647)," katanya pada sidang akhbar, hari ini.

Bulan lalu, kerajaan Sarawak mengeluarkan arahan larangan import dan produk daging babi dari Sabah berkuat kuasa serta merta susulan pengesanan wabak itu di Keningau.

Pengarah Veterinar Sarawak, Datuk Dr. Adrian Susin Ambud memaklumkan bahawa larangan itu turut meliputi babi hidup dan makanan babi.

Jelas Izhah, sebanyak 920 babi melibatkan ladang di Sungai Blankan telah dilupuskan Veterinar semalam.

"Pemeriksaan awal mendapati kira-kira 1,500 haiwan itu disahkan positif di dua lagi ladang lain setakat ini. Kesemua ladang itu kini disita bagi tindakan lanjut termasuk melakukan surveilan aktif dan pemantauan secara berterusan," ujarnya.

Tambah beliau, kerajaan negeri mengarahkan Veterinar Selangor mengambil tindakan lanjut bagi mengekang penularan ASF daripada merebak ke kawasan lain dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan lain termasuk polis dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Wabak itu merupakan penyakit bukan zoonotik yang tidak menjangkiti manusia dan hanya menyerang babi domestik dan babi liar. Penternak babi di Selangor turut diingatkan berwaspada dan meningkatkan biosekuriti ladang masing-masing," katanya.

Selain itu, Izhah meminta orang awam terutama pemain industri babi segera melaporkan sebarang kematian babi kepada Veterinar dan tidak memanipulasi berita tidak sahih mengenai ASF sehingga menimbulkan kegusaran masyarakat. – UTUSAN

Demam babi Afrika dikesan di 3 ladang di Sepang dan Kuala Langat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Online	-	06 Feb

Demam babi Afrika dikesan di 3 ladang di Sepang dan Kuala Langat



GAMBAR hiasan.

Shah Alam: Tiga ladang ternakan babi di daerah Sepang dan Kuala Langat disita selepas dikesan berlaku jangkitan demam babi Afrika atau African Swine Fever (ASF).

Exco Pertanian dan Infrastruktur Selangor, Datuk Ir Izham Hashim berkata, ia dikesan selepas pemeriksaan dilakukan terhadap 29 ladang ternakan di kawasan itu susulan aduan yang diterima Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor (DVS) pada 22 Januari lalu.

"Bertindak atas maklumat, pada 24 dan 25 Januari lalu, DVS Selangor memeriksa ladang yang menempatkan anggaran 25,000 ekor babi di sekitar Sepang dan Kuala Langat bagi mengesahkan kejadian penyakit berkenaan.

"Hasil pemeriksaan dan analisis sampel, didapati berlaku jangkitan ASF di tiga ladang yang menempatkan lebih 2,000 babi iaitu dua di Sungai Blankan, Sepang dan sebuah ladang di Kampung Tumbuk, Tanjong Sepat.

"Kesemua ladang ternakan itu disita pada 28 Januari dan 1 Februari lalu yang mana setakat ini 920 ekor babi sudah dilupuskan," katanya pada sidang media di Pejabat Exco di sini, hari ini.

Beliau berkata, penyakit ASF adalah penyakit bukan zoonotik iaitu penyakit yang tidak menjangkiti manusia dan hanya menyerang babi domestik dan babi liar.

Katanya, jangkitan virus berkenaan akan menyebabkan 100 peratus kematian dalam tempoh dua hingga 10 hari ke atas ternakan babi yang terjangkit.

"Ini adalah kali pertama kita kesan ASF pada babi yang hidup di Selangor yang mana sebelum ini ia dikesan hanya pada karkas babi.

"Pemeriksaan akan dilaksanakan di ladang ternakan pada radius satu kilometer daripada ladang yang disita untuk mengesan jika ada ternakan yang positif ASF.

"Jika virus ini dikesan pada seekor babi, keseluruhan ternakan itu akan dilupuskan bagi mengelak ia menjangkiti babi di ladang lain," katanya.

Dalam pada itu, Izham mengingatkan penternak babi di Selangor untuk terus berwaspada, meningkatkan dan mengetatkan biosekuriti ladang babi masing-masing bagi mengekang penularan penyakit ASF.

"Orang awam khususnya penternak diminta segera melaporkan sebarang kematian babi hutan, babi kampung atau babi komersial kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PVD) atau Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor," katanya.

Tiga ladang babi di Selangor disita, sah dijangkiti demam babi Afrika - Exco

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Online	-	06 Feb

Tiga ladang babi di Selangor disita, sah dijangkiti demam babi Afrika - Exco



SHAH ALAM: Tiga ladang ternakan babi di Selangor disita selepas disahkan dijangkiti penyakit African Swine Fever (ASF) atau demam babi Afrika.

Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri Datuk Izhah Hashim berkata dua ladang tersebut yang terletak di Sepang yang disita pada 28 Jan dan 5 Feb, manakala sebuah ladang di Kuala Langat di kenakan tindakan sama pada 28 Jan, yang kesemuanya membabitkan kira-kira 2,220 ternakan. Beliau berkata daripada jumlah itu, sebanyak 920 ekor babi di sebuah ladang di Sepang telah dilupuskan pada 5 Feb, manakala bakinya dalam proses untuk tindakan yang sama.

"Kita percaya penyakit ASF ini antara puncanya berkemungkinan babi daripada luar Selangor dan telah dijangkiti, masuk ke negeri ini kerana kita (Selangor) dijangkiti selepas kes sama di Pulau Pinang, Perak dan Sarawak sebelum ini.

"Ini juga merupakan kes pertama di Selangor melibatkan babi yang hidup, kerana sebelum ini jangkitan daripada karkas haiwan itu yang datangnya dari luar negara," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Sementara itu Izhah berkata Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor telah menerima aduan dan maklumat berlakunya jangkitan penyakit ASF ke atas sejumlah babi di beberapa buah ladang ternakan sekitar Sepang dan Kuala Langat pada 22 Jan.

"Bertindak atas maklumat tersebut, pada 24 hingga 25 Jan, DVS Selangor telah menjalankan pemeriksaan ke atas 29 buah ladang babi, melibatkan anggaran 25,000 babi di sekitar Sepang dan Kuala Langat bagi mengesahkan kejadian penyakit tersebut.

"Kesemua babi yang diperiksa diperintah untuk dikuarantin oleh penternak sehingga keputusan analisis sampel yang diambil diperolehi, selaras dengan peruntukkan di bawah Subseksyen 18 (2) Akta Binatang 1953 [Akta 647]," katanya.

Izhah berkata penyakit ASF adalah penyakit bukan zoonotik iaitu tidak menjangkiti manusia dan hanya menyerang babi domestik serta babi liar dengan jangkitannya akan menyebabkan 100 peratus kematian dalam tempoh dua hingga 10 hari ke atas ternakan.

Beliau mengingatkan penternak agar terus berwaspada serta meningkatkan dan mengetatkan biosekuriti ladang masing-masing, bagi mengekang penularan penyakit ASF di Selangor.

Orang awam juga digesa melaporkan segera sebarang kematian babi hutan, babi kampung atau babi komersial kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah atau Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Selangor untuk tindakan selanjutnya.

meningkatkan dan mengetatkan biosekuriti ladang masing-masing, bagi mengekang penularan penyakit ASF di Selangor.

Orang awam juga digesa melaporkan segera sebarang kematian babi hutan, babi kampung atau babi komersial kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah atau Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Selangor untuk tindakan selanjutnya.

"Selain itu, orang awam juga diingatkan untuk tidak memanipulasi dan menyebarkan sebarang berita yang tidak benar mengenai penyakit ASF hingga boleh menimbulkan perasaan cemas dalam kalangan masyarakat," katanya.

-- BERNAMA

Tiga Ladang Babi Di Selangor Disita Sah dijangkiti ASF - Exco

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Siakapeli	Online	-	06 Feb

Tiga Ladang Babi Di Selangor Disita, Sah Dijangkiti ASF - Exco



Tiga Ladang Babi Di Selangor Disita, Sah Dijangkiti ASF - Exco

SHAH ALAM, 6 Feb (Bernama) -- Tiga ladang ternakan babi di Selangor disita selepas disahkan dijangkiti penyakit African Swine Fever (ASF) atau demam babi Afrika.

Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri Datuk Izham Hashim berkata dua ladang tersebut yang terletak di Sepang yang disita pada 28 Jan dan 5 Feb, manakala sebuah ladang di Kuala Langat di kenakan tindakan sama pada 28 Jan, yang kesemuanya membabitkan kira-kira 2,220 ternakan.

Beliau berkata daripada jumlah itu, sebanyak 920 ekor babi di sebuah ladang di Sepang telah dilupuskan pada 5 Feb, manakala bakinya dalam proses untuk tindakan yang sama.

"Kita percaya penyakit ASF ini antara puncanya berkemungkinan babi daripada luar Selangor dan telah dijangkiti, masuk ke negeri ini kerana kita (Selangor) dijangkiti selepas kes sama di Pulau Pinang, Perak dan Sarawak sebelum ini.

"Ini juga merupakan kes pertama di Selangor melibatkan babi yang hidup, kerana sebelum ini jangkitan daripada karkas haiwan itu yang datangnya dari luar negara," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Sementara itu Izham berkata Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor telah menerima aduan dan maklumat berlakunya jangkitan penyakit ASF ke atas sejumlah babi di beberapa buah ladang ternakan sekitar Sepang dan Kuala Langat pada 22 Jan.

"Bertindak atas maklumat tersebut, pada 24 hingga 25 Jan, DVS Selangor telah menjalankan pemeriksaan ke atas 29 buah ladang babi, melibatkan anggaran 25,000 babi di sekitar Sepang dan Kuala Langat bagi mengesahkan kejadian penyakit tersebut.

"Kesemua babi yang diperiksa diperintah untuk dikuarantin oleh penternak sehingga keputusan analisis sampel yang diambil diperolehi, selaras dengan peruntukkan di bawah Subseksyen 18 (2) Akta Binatang 1953 [Akta 647]," katanya.

Izham berkata penyakit ASF adalah penyakit bukan zoonotik iaitu tidak menjangkiti manusia dan hanya menyerang babi domestik serta babi liar dengan jangkitannya akan menyebabkan 100 peratus kematian dalam tempoh dua hingga 10 hari ke atas ternakan.

Beliau mengingatkan penternak agar terus berwaspada serta meningkatkan dan mengetatkan biosekuriti ladang masing-masing, bagi mengekang penularan penyakit ASF di Selangor.

Orang awam juga digesa melaporkan segera sebarang kematian babi hutan, babi kampung atau babi komersial kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah atau Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Selangor untuk tindakan selanjutnya.

Beliau mengingatkan penternak agar terus berwaspada serta meningkatkan dan mengetatkan biosekuriti ladang masing-masing, bagi mengekang penularan penyakit ASF di Selangor.

Orang awam juga digesa melaporkan segera sebarang kematian babi hutan, babi kampung atau babi komersial kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah atau Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Selangor untuk tindakan selanjutnya.

"Selain itu, orang awam juga diingatkan untuk tidak memanipulasi dan menyebarkan sebarang berita yang tidak benar mengenai penyakit ASF hingga boleh menimbulkan perasaan cemas dalam kalangan masyarakat," katanya.

BACA: Kerosakan Yang Ramai Terlepas Pandang, Ini 5 Tanda "Head Gasket" Kereta Bermasalah

Sumber: Bernama

Demam Babi Afrika Kali Pertama Dikesan Di 3 Ladang Ternakan Sepang & Kuala Langat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sirap Limau	Online	-	06 Feb

Demam Babi Afrika Kali Pertama Dikesan Di 3 Ladang Ternakan Sepang & Kuala Langat



Terbaharu, tiga ladang ternakan babi di daerah Sepang dan Kuala Langat disita selepas dikesan berlaku jangkitan penyakit demam babi Afrika atau African Swine Flu (ASF).

Menurut Majlis Keselamatan Negara, Demam Babi Afrika (ASF) ialah penyakit berjangkit babi yang dahsyat, dan biasanya membawa maut. Sehingga hari ini belum ada vaksin untuk memerangi virus ini.

PENYAKIT DEMAM BABI AFRIKA DIKESAN DI DAERAH SEPANG DAN KUALA LANGAT



Foto: Freepik

Menurut laporan Harian Metro, Exco Pertanian dan Infrastruktur Selangor, Datuk Ir Izham Hashim berkata, ia dikesan selepas pemeriksaan dilakukan terhadap 29 ladang ternakan di kawasan itu susulan aduan yang diterima Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor (DVS) pada 22 Januari lalu.

"Bertindak atas maklumat, pada 24 dan 25 Januari lalu, DVS Selangor memeriksa ladang yang menempatkan anggaran 25,000 ekor babi di sekitar Sepang dan Kuala Langat bagi mengesahkan kejadian penyakit berkenaan.

"Hasil pemeriksaan dan analisis sampel, didapati berlaku jangkitan ASF di tiga ladang yang menempatkan lebih 2,000 babi iaitu dua di Sungai Blankan, Sepang dan sebuah ladang di Kampung Tumbuk, Tanjung Sepat.

"Kesemua ladang ternakan itu disita pada 28 Januari dan 1 Februari lalu yang mana setakat ini 920 ekor babi sudah dilupuskan," katanya hari ini.

Bellau berkata, penyakit ASF adalah penyakit bukan zoonotik iaitu penyakit yang tidak menjangkiti manusia dan hanya menyerang babi domestik dan babi liar. Katanya, jangkitan virus berkenaan akan menyebabkan 100 peratus kematian dalam tempoh dua hingga 10 hari ke atas ternakan babi yang terjangkit.

Lebih menggerunkan, ini adalah kali pertama dapat kesan ASF pada babi yang hidup di Selangor yang mana sebelum ini ia dikesan hanya pada karkas babi.

"Pemeriksaan akan dilaksanakan di ladang ternakan pada radius satu kilometer daripada ladang yang disita untuk mengesan jika ada ternakan yang positif ASF.

"Jika virus ini dikesan pada seekor babi, keseluruhan ternakan itu akan dilupuskan bagi mengelak ia menjangkiti babi di ladang lain," katanya.

Dalam pada itu, Izham mengingatkan penternak babi di Selangor untuk terus berwaspada, meningkatkan dan mengetatkan biosekuriti ladang babi masing-masing bagi mengekang penularan penyakit ASF.

"Orang awam khususnya penternak diminta segera melaporkan sebarang kematian babi hutan, babi kampung atau babi komersial kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PVD) atau Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor," katanya.

***Hati-hati semua!**

Tiada *trend* peningkatan influenza, tiada kes selesama burung - KKM

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Online	-	06 Feb

Tiada trend peningkatan influenza, tiada kes selesama burung - KKM

06 Februari 2025 04:03pm
Masa membaca: 2 minit



PUTRAJAYA - Malaysia tidak menunjukkan trend peningkatan kes influenza dan tidak merekodkan sebarang kes selesama burung (avian influenza) dalam kalangan manusia, demikian menurut Kementerian Kesihatan (KKM).

Berdasarkan pemantauan KKM, kadar konsultasi penyakit seperti influenza (ILI) di klinik kesihatan pada Minggu Epidemiologi (ME) 4/2025 adalah 4.67 peratus, menurun sebanyak 0.14 peratus berbanding 5.81 peratus pada ME 3/2025.

"Pada tempoh yang sama, kadar kemasukan kes jangkitan pernafasan akut yang teruk atau severe acute respiratory infection (SARI) di hospital adalah 7.26 peratus, iaitu menurun 0.16 peratus berbanding 7.52 peratus pada ME 03/2025," menurut KKM dalam kenyataan pada Khamis.

Merujuk kepada laporan media luar negara yang melaporkan peningkatan kes influenza secara mendadak, KKM memaklumkan berdasarkan laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi Rantau Pasifik Barat (WPRO), kadar positif bagi sampel influenza yang diuji ialah 26.19 peratus pada ME 1/2025 dan 21.97 peratus pada ME 4/2025, iaitu penurunan sebanyak empat peratus.

KKM memaklumkan berdasarkan laporan mingguan WHO WPRO pada 31 Januari lepas, tiada kes selesama burung baharu dalam kalangan manusia termasuk di Jepun, manakala kes terakhir yang direkodkan di rantau ini ialah pada 1 Januari lepas.

Justeru, KKM dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sentiasa menjalankan pemantauan aktif dan pengawasan terhadap ladang ternakan, populasi burung liar, serta pasar bagi mengelak sebarang risiko jangkitan.

"Hal ini bagi memastikan Malaysia kekal bebas daripada selesama burung dengan kawalan biosekuriti dan langkah pencegahan yang ketat," menurut KKM.

KKM turut menasihati orang ramai supaya mengamalkan langkah pencegahan seperti kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan pensanitasi tangan, amalan adab batuk yang baik dengan menutup mulut dan hidung ketika batuk atau bersin, memakai pelitup muka terutama bagi individu berisiko tinggi serta mendapatkan vaksinasi influenza secara tahunan.

Orang ramai juga dinasihatkan segera mendapatkan pemeriksaan dan rawatan di fasiliti kesihatan kerajaan ataupun swasta sekiranya mengalami gejala seperti demam, batuk dan selesama yang berpanjangan. - Bernama

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR